

Ruj : AKKM (U) 4/2/01 Jld.3 (32)
Tarikh : 29 Mac 2018

**Pengerusi/Setiausaha
Koperasi Sekolah Menengah**

Tuan,

**GARIS PANDUAN LAPORAN ANUGERAH KECEMERLANGAN KOPERASI SEKOLAH
(AKKS) 2018**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pada tahun ini Laporan Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) 2018 masih dikekalkan seperti tahun sebelum ini. Oleh itu, keseluruhan penilaian AKKS 2018 bukan berdasarkan Sambutan Hari Koperasi (HKS) sahaja tetapi penilaian adalah berdasarkan keseluruhan aktiviti pentadbiran, pengurusan dan perniagaan koperasi sekolah.

3. Sehubungan dengan itu, Garis Panduan (GP) AKKS 2018 telah diubahsuai sepenuhnya berdasarkan perkembangan semasa gerakan koperasi sekolah di Malaysia. ANGKASA meminta jasa baik pihak tuan untuk menghantar Laporan AKKS 2018 mengikut Garis Panduan AKKS 2018 yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Koperasi Sekolah yang terdiri daripada wakil Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Tarikh akhir penghantaran laporan adalah 10 September 2018 (Isnin), sebelum jam 4.30 petang. Laporan selepas pada tarikh akhir penerimaan tidak akan dinilai untuk ke peringkat seterusnya. Untuk makluman pihak tuan, ANGKASA telah memutuskan tidak ada taklimat AKKS 2018 di setiap negeri pada tahun ini kerana melibatkan kos yang tinggi. Pihak tuan boleh melaporkan AKKS 2018 berdasar garis panduan yang telah dibekalkan.

4. Bersama dengan surat ini dilampirkan Garis Panduan Laporan AKKS 2018 dan borang laporan AKKS (UIPB-AKKS2018) untuk rujukan dan tindakan pihak tuan. Sebarang pertanyaan boleh terus berhubung dengan pegawai ANGKASA yang dinyatakan di dalam GP AKKS 2018.

Kerjasama dan sokongan pihak tuan dalam usaha memperkembangkan gerakan koperasi sekolah menerusi pendidikan dan pembelajaran amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

“SADIK, AMANAH, TELUS”

Yang benar,

ABU BAKAR BIN BUSMAH

b/p Pengerusi Besar

Bahagian Pembangunan Komuniti, Pelancongan dan Kesihatan
ANGKASA

sk
- Pengerusi Sektor Pembangunan Komuniti
- Pengerusi Besar BPKPK
- ANGKASA Negeri (makluman)
- Fail

